

e-Penyertaan: Faktor utama kemusnahan koloni kelulut untuk diberi perhatian oleh penternak

Pada pertengahan sehingga penghujung tahun 2016, terdapat beberapa rungutan dari pihak penternak lebah kelulut yang melaporkan bahawa koloni lebah kelulut yang diternak mereka didapati musnah.

Satu undian telah diwujudkan dan rumusan berbentuk infografik ini telah dikeluarkan berdasarkan maklumbalas yang diberikan.

Oleh yang demikian, MARDI telah mengambil langkah menerbitkan infografik ringkas mengenai faktor utama kemusnahan koloni untuk pengetahuan tambahan kepada golongan penternak :



MARDI Malaysia
@MARDItweet

Berpandukan pendapat/pengalaman anda, apakah penyebab utama kemusnahan koloni lebah kelulut?

Translate from Indonesian



6 votes • 4 days 23 hours left

16/09/2016, 9:04 PM

KENALI PUNCA DAN JENIS SERANGGA PEROSAK

LEBAH KELULUT

1

Perubahan Iklim

Cuaca ekstrem seperti fenomena El-Nino dan hujan lebat sekali-sekala melebihi 4 bulan mengakibatkan koloni yang sebelum ini menghasilkan madu, menjadi lemah



2

Kumbang Pollen

Kumbang Pollen (*haptoncus luteolus*) akan mula menyerang koloni yang lemah dan kurang dikawal oleh lebah pekerja



3

Black Soldier Fly - BSF

BSF (*hermetia illucens*) ialah perosak sekunder yang tertarik akibat bau busuk dihasilkan oleh serangan kumbang haptoncus. Setiap koloni boleh musnah dalam tempoh 2 minggu selepas bertelur di dalam sarang

